

Keamanan boleh dipertahan jika rakyat bersatu

BA-12/2/2007



**Suara
Orang Muda**
Bersama

Noraini Ahmad

E-mel: norainiputeri@yahoo.com

GENAP seminggu dari sekarang, pada 20 Februari, adalah hari ulang tahun ke-51 pengisytiharan kemerdekaan negara oleh Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman.

Jika kita tanya secara rambang, jumpa anak muda tengah lepak di kaki lima, pusat beli-belah, malah kalangan pelajar atau bekerja di pejabat, berapa kerat yang tahu mengenai sejarah pengisytiharan tarikh kemerdekaan itu.

Suka atau tidak kita kena akui masih ramai di luar yang tahu tarikh kemerdekaan negara, 31 Ogos 1957, tanpa mahu ambil pusing sejarah perjuangan ke arah menuntut kemerdekaan yang bermula lebih sedekad sebelum kemerdekaan dicapai.

Pemimpin Melayu jauh lebih awal menggerakkan usaha politik, bangkit menanam kesedaran di kalangan rakyat. Penubuhan Umno pada 11 Mei 1946 serta beberapa pertubuhan lain, menjadikan suara mereka terus lantang terutama ketika menentang Malayan Union sehingga British tunduk akur kepada penentangan itu.

Terlakar dalam sejarah, pada 1 Januari 1956, Tunku Abdul Rahman mengetuai satu rombongan ke London untuk berunding dengan kerajaan Inggeris mengenai

kemerdekaan Tanah Melayu. Hasil rundingan itu, Perjanjian London ditandatangani pada 8 Februari 1956.

Pada 20 Februari 1956, Tunku Abdul Rahman pulang dari London dengan membawa perkhabaran gembira bahawa Tanah Melayu akan merdeka. Batu Berendam adalah lokasi pesawat membawa Tunku mendarat dan dari situ beliau berarak ke Banda Hilir.

Di Padang Pahlawan, Bandar Hilir, Melaka, Tunku secara rasmi mengumumkan 31 Ogos 1957 dipilih sebagai tarikh kemerdekaan negara.

Kita perlu mengingati dan menghayati sejarah. Setiap rakyat yang menikmati suasana merdeka, perlu merenung detik kesusahan dan keperitan luhur perjuangan menuntut kemerdekaan.

Patriotisme boleh dicetuskan dengan menghayati sejarah yang mampu menimbulkan kesedaran kepada kita generasi hari ini mengenai peritnya ranjau dan duri terpaksa dilalui generasi dulu dalam usaha menuntut kemerdekaan.

Kejayaan dikecapi Malaysia disambut kali ke-50 tahun ini dan ia dilakukan dengan cemerlang berbanding negara membangun lain. Kejayaan demi kejayaan sama ada dalam ekonomi, politik dan sosial dicapai hasil kesungguhan dan kecekapan pemimpin serta sokongan jitu rakyat.

Bukan saja kestabilan politik berjaya dipertahankan, malah ekonomi kita melonjak terutama di bawah kepemimpinan Perdana Menteri kelima sekarang, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Seperti diumumkan baru-baru ini, nilai perdagangan Malaysia mencatat rekod pada paras tertinggi melepasi RMI trilion

kepada RM1.069 trilion tahun lalu, paras tertinggi dalam sejarah negara. Pencapaian yang harus dibanggakan seluruh lapisan rakyat di negara ini.

Namun, dalam kita terus menikmati nikmat kemerdekaan negara dan terus berusaha mempertahankan serta menjaga agama, bangsa dan negara, kita juga harus terus bersatu hati dalam menghadapi apa juga cabaran dan dugaan melanda.

Kita bersama-sama menghadapi pelbagai ranjau dan pahit manis cabaran melanda negara. Baru-baru ini kita menyaksikan rakyat tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan bersatu hati membantu mangsa banjir luar biasa yang melanda beberapa negeri terutama Johor.

Selepas bencana banjir reda, kini bahang panas sudah mula terasa dan semua juga sudah maklum akan amaran fenomena El-Nino serta kemarau diramalkan melanda negara.

Rabu lalu Kabinet memutuskan perlunya negara memanggil pakar dunia dan serantau untuk membuat unjuran keadaan cuaca negara ini bagi tempoh enam bulan akan datang berikutan gabungan pemanasan global dan fenomena El-Nino.

Seperti dinyatakan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis, arahan memanggil pakar itu dibuat bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil bagi membolehkan Jawatankuasa Bencana Negara yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak membuat keputusan berkaitan persediaan perlu.

Awal tahun ini, seorang pakar cuaca Britain, Profesor Phil Jones memberi amaran dunia bakal berdepan ancaman cuaca

buruk termasuk keadaan paling panas akibat gabungan pemanasan global dan fenomena El-Nino. Malah, cuaca panas itu bakal mengatasi rekod 1998 – tahun paling panas pernah dicatatkan.

Sebelum ini, Pertubuhan Kaji Cuaca Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (WMO) mengeluarkan amaran yang El-Nino sudah terbentuk di Lembangan Pasifik dan bakal membawa cuaca buruk dari benua Amerika ke Asia dan Afrika Timur bagi sekurang-kurangnya empat bulan pertama tahun ini.

Kali terakhir El-Nino berlaku ialah pada 1997 dan 1998 yang menyebabkan lebih 2,000 kematian dan kerugian mencecah lebih RM140 bilion. Biarpun Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah memberi jaminan krisis bekalan air akibat kesan fenomena El-Nino dijangka tidak seteruk kejadian 10 tahun lalu kerana paras air sungai seluruh negara ketika ini lebih tinggi daripada paras sungai pada masa sama pada 1997, namun kita semua tetap perlu beringat dan berjimat dalam penggunaan air.

Kita tidak harus menunggu untuk menguruskan bencana hanya selepas ia berlaku kerana ketika itu keadaan sudah menjadi kritikal dan memudaratkan. Kita harus beringat sebelum kena. Tidak lupa kepada masyarakat Cina di negara ini, saya mengucapkan selamat menyambut Tahun Baru Cina, Gong Xi Fa Chai.

Semoga perpaduan, keamanan dan keharmonian kaum terus terpelihara di bumi Malaysia tercinta ini.

Datuk Noraini Ahmad adalah Ketua Pergerakan Puteri Umno Malaysia